

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 ( 90 )

Tarikh: 28 November 2013.

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **PUBLISITI AWALAN CADANGAN PENGUBAHAN KEPADA RANCANGAN TEMPATAN PETALING JAYA 2 (PENGUBAHAN 1) DAN RANCANGAN TEMPATAN PETALING JAYA 1 (PENGUBAHAN 2) YANG TELAH DIWARTAKAN.**

PETALING JAYA, 28 Nov - Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan mengadakan publisiti dan representasi di bawah Seksyen 12A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi cadangan penyediaan Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (Pengubahan 1) dan Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 2). Tujuan publisiti awalan ini diadakan adalah untuk mendapatkan maklumat dan pandangan awal penduduk sebelum Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (Pengubahan 1) dan Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 2) disediakan.

Cadangan Penyediaan draf ini akan melibatkan 21 tapak yang dicadangkan untuk dipinda zon gunatanah di dalam Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (Pengubahan 1) kerana tapak-tapak ini melibatkan projek kerajaan/ tanah kerajaan, selaras dengan syaratnya tanah, menyediakan rizab kawasan rekreasi/ lapang untuk kegunaan awam, perubahan untuk mematuhi Pelan Jalan dan Parit Majlis. Cadangan ini juga akan melibatkan 6 lokasi cadangan Zon Perancangan Transit (TOD) di stesen-stesen MRT, stesen One Utama, stesen The Curve, stesen Dataran Sunway, Stesen PJJU5 dan stesen LRT di stesen Ara Damansara dan stesen komuter di stesen SetiaJaya. Manakala Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (Pengubahan 2) hanya melibatkan 1 stesen LRT di Taman Jaya.

Program Publisiti Awalan akan bermula pada 2 Disember, 2013 dan tamat pada 30 Disember 2013. Notis pemberitahuan berkenaan Publisiti Awalan ini akan disiarkan di dalam 4 jenis akhbar tempatan (3 kali siaran) iaitu Berita Harian, News Straits Times, Sin Chew Jit Poh, Tamil Nesan dan pemberitahuan dalam Laman Web Majlis berserta nota penerangan. Majlis juga akan menyiarkan tambahan pemakluman dalam akhbar

Sinar Harian, Laman Web Malaysiakini, “Facebook dan Twitter” MBPJ. Sepanduk, bunting dan poster akan dipasang di lokasi-lokasi awam dan diedarkan kepada penduduk untuk mendapatkan pandangan dan maklumbalas.

Mana-mana pihak yang berhasrat atau berkepentingan boleh mengemukakan pandangan atau maklumbalas mengenai Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (Pengubahan 1) dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya1 Pengubahan 2) dalam tempoh publisiti diadakan dan boleh disemak oleh orang ramai di Tingkat 2, Jabatan Perancangan Pembangunan, Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya pada waktu pejabat.

**Sekretariat Media**  
**Unit Perhubungan Awam**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,  
Faks : 03-79582695. ([Puan Zainun bt Zakaria](#), / [En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar](#))